

25 MAY 1996

Razaleigh-Umno

PENDIRIAN TENGKU RAZALEIGH SEMAKIN JELAS

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

GUA MUSANG, 25 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah memilih gelanggang paling sesuai untuk membuat penjelasan mengenai arah haluan masa depan politiknya.

Semalam, di depan para penyokongnya dan penduduk Gua Musang, beliau menghuraikan langkah kerjasama dengan Umno setelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, membuka pintu bagi rundingan antara kedua-dua pihak.

"Kalau terpaksa kita korban S46, kita akan korban S46 kerana perpaduan Melayu mengatasi segala-galanya," kata Tengku Razaleigh yang sebelum ini berulang kali menolak dakwaan menyatakan parti itu akan dibubarkan.

Kenyataannya semalam dianggap penting kerana dibuat di sini -- kawasan pilihan raya yang diwakilinya sejak lebih 20 tahun lalu dan merupakan satu lagi langkah ke hadapan dalam usahanya membawa para penyokongnya kembali ke pangkuan Umno.

Tengku Razaleigh dan beberapa pengikutnya menubuhkan S46 pada tahun 1988 setelah usaha mereka menghidupkan semula Umno, yang dibatalkan pendaftarannya oleh mahkamah, gagal di Parlimen dan Mahkamah Agung.

"S46 ini cuma alat untuk kita bergerak dan berjuang secara halal mengikut undang-undang supaya kita dapat menyatukan semula orang Melayu," katanya kepada hadirin yang sememangnya menanti-nanti penjelasan dari beliau sendiri.

Ketika ditanya pemberita kemudian, Tengku Razaleigh berkata anggota-anggota S46 sememangnya faham mengenai perkara itu kerana "kalau Umno lama dapat dihidupkan dulu, S46 sudah lama dibubar".

Walaupun usahanya berbaik-baik dengan Umno mendapat kecaman hebat terutama daripada Pas, sekutu S46 dalam Angkatan Perpaduan Ummah yang memerintah Kelantan, Tengku Razaleigh berkata beliau tidak perlu memohon maaf atas perkara itu.

Beliau lantas menolak tuduhan kononnya beliau kini sanggup menyokong Dr Mahathir kerana kepentingan diri dan kerana inginkan jawatan menteri.

"Kalu ambo gilo jadi menteri, ambo tak lawe Dr Mahathir...tahun '87, ambo menteri kane doh tapi kerano prinsip ambo lawe. (Kalau saya ingin menjadi menteri, saya tak lawan Dr Mahathir pada tahun 1987 kerana ketika itu saya sudah pun menjadi menteri kanan)," katanya.

Pertandingan merebut jawatan presiden parti pada tahun 1987 itu menjadi titik hitam dalam sejarah Umno apabila penyokong pihak yang tewas membawa kes ke mahkamah sehingga menyebabkan Umno diisytiharkan tidak sah.

Apabila Umno ditubuhkan semula, Tengku Razaleigh dan pengikutnya tidak menyertainya tetapi menubuhkan S46, yang kemudiannya mewujudkan pakatan dengan parti-parti pembangkang sebagai alternatif kepada Barisan Nasional (BN) dalam dua pilihan raya umum yang lepas.

Tengku Razaleigh berkata memandangkan Dr Mahathir kini bersedia berunding mengenai soal perpaduan Melayu, tidaklah salah bagi beliau pula menerima kepimpinan Dr Mahathir.

Ini tidak bertentangan dengan prinsip perjuangan parti yang bertujuan menyatupadu bangsa Melayu, kata Tengku Razaleigh yang akan meneruskan jadual "penerangan" ke Johor hujung bulan ini dan Pulau Pinang.

"Tak lama lagi, insyaAllah, ambo akan berjumpa dengan Dr Mahathir untuk berunding lagi untuk mencari jalan bagaimana dapat memperkukuh penyatuan bangsa," katanya disambut tepukan gemuruh.

Dr Mahathir, yang pulang dari luar negara semalam, menyatakan beliau

sedia berjumpa dengan Tengku Razaleigh.

Mereka telah bertemu dua kali dalam masa dua bulan lepas tidak termasuk pertemuan ringkas ketika Tengku Razaleigh menghadiri pembukaan konvensyen ulangtahun ke-50 Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di ibu negara pada 11 Mei.

Sementara Tengku Razaleigh terus mendekati Umno, hubungan S46 dengan Pas bertambah meruncing. Semalam Setiausaha Agung Pas Abdul Halim Arshat meminta Tengku Razaleigh mengeluarkan S46 secara "gentleman" daripada kerajaan Angkatan.

"Dia boleh keluar Angkatan dengan baik seperti ketika dia mula menyertai pakatan itu ketika pilihan raya umum pada tahun 1990," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Muktamar Dewan Pemuda Pas Kelantan di Kota Baharu.

Tengku Razaleigh sebaliknya menegaskan S46 tidak akan mengosongkan kerusi exco kerajaan negeri kerana parti itu juga turut mendapat mandat rakyat dalam pilihan raya umum lepas.

"Kalau ketua kerajaan Kelantan (Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat) sudah benci sangat kepada wakil-wakil S46 dalam exco, dia pecatlah.

"Kalau nak suruh kita berhenti, kita tak akan berhenti kerana kita perlu menunaikan tanggungjawab kepada rakyat," katanya. -- BERNAMA

AZZ PR